

# Sains dan teknologi moden

BR 25 APR 1986

## perlu dipelajari: PM

KUALA LUMPUR, Khamis — Pendekatan dan sistem moden perlu dilaksanakan bagi membolehkan negara-negara Asean turut maju dan menikmati faedah daripada kemajuan sains dan teknologi dunia sekarang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, negara-negara Asean harus mengkaji semula penggunaan sains dan teknologi yang lebih sesuai dengan perkembangan sosioekonomi mereka.

"Kita perlu melangkah dengan memasuki terus bidang sains dan teknologi moden," tegasnya ketika merasmikan 'Minggu Sains dan Teknologi Asean Yang Pertama' di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Kira-kira 400 perwakilan dan pemerhati dari negara-negara Asean dan negara rakan dialog menghadiri majlis itu.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, negara-negara Asean perlu mempelajari serta mendapatkan pengetahuan sains

dan teknologi daripada negara-negara maju bagi meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran mereka.

Katanya, negara-negara Asean yang maju di bidang sains dan teknologi dapat memberi sumbangan yang lebih bermakna terhadap perdagangan dan kemakmuran dunia.

### Sumbangan

Perdana Menteri berkata dalam konteks ini, pertolongan negara-negara rakan dialog Asean sangat diperlukan kerana kini masih ada negara maju yang menunjukkan keengganan mereka untuk memindahkan teknologi mereka.

Katanya, perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi kini banyak memaju dan meninggikan taraf hidup rakyat negara-negara maju dan negara-negara Asean juga boleh mencapai kejayaan itu sekiranya ia diperluaskan.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat kelambatan dan kelembapan pertubu-

han ekonomi di negara-negara Asean disebabkan mereka terlalu bergantung kepada barangan utama dan kini menghadapi kesulitan perkembangan ekonomi apabila harga barangan utama jatuh.

Menurutnya, satu lagi faktor yang menyebabkan kelemahan negara-negara Asean ialah kurangnya pengetahuan dan penggunaan sains dan teknologi di samping mempunyai pasaran yang berpecah-pecah.

Beliau mengingatkan dengan bertambahnya penyelidikan dan pembangunan mengenai gantian barangan utama oleh negara-negara maju, ia terus mengancam kedudukan dan masa depan barangan utama negara-negara Asean.

Perdana Menteri gembira kini negara-negara Asean berjaya memupuk satu pakatan kerjasama di bidang politik dan perlu pula diluaskan ke bidang-bidang lain, termasuk sains dan teknologi.

Katanya, negara-negara Asean patut

membetulkan kesilapan-kesilapan di segi pendekatan dan perancangan bagi memastikan ia akan terus dapat memberi sumbangan kepada masa depan rantau Pasifik.

"Kita perlu mengkaji semula kesilapan dan mengambil daya usaha membetulkannya jika mahu cita-cita kita menjadi kenyataan," katanya.

Selain itu, menurutnya, rakyat negara-negara Asean harus bersedia menerima teknologi baru bagi serta berusaha mendapatkannya.

Mengenai kemajuan sains dan teknologi di Malaysia, Perdana Menteri berkata kerajaan memberi penekanan kepada pembabitkan sektor swasta dalam usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan.

Katanya, sejak 1982, kerajaan menubuhkan Tabung Amanah bagi penyelidikan di bawah

Majlis Kebangsaan bagi Penyelidikan dan Pembangunan Sains untuk membiayai pelbagai projek di bidang kesihatan, pertanian dan perindustrian.

Beliau menegaskan kegiatan penyelidikan dan pembangunan itu bertujuan meningkatkan lagi produktiviti serta mempelbagaikan perusahaan bagi membolehkan barangan keluaran tempatan menembusi pasaran antarabangsa.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegaskan Malaysia akan terus memberi sumbangan dalam usaha negara-negara Asean meningkatkan keupayaan mereka di bidang sains dan teknologi.